

05/09/1998

Hanya boleh mohon selepas tiga tahun

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Anwar Ibrahim hanya boleh memohon menyertai Umno semula selepas tiga tahun daripada tarikh beliau dipecat, kata Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik.

Bercakap selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno awal pagi ini, Sabaruddin berkata, seseorang yang dipecat memerlukan tempoh minimum tiga tahun sebelum boleh merayu semula untuk menjadi ahli.

Menurutnya, peraturan itu diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikan Anwar sendiri sebelum ini.

Dalam mesyuarat MT Umno selama hampir lima jam itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya Anwar daripada parti itu.

Ditanya sama ada keputusan MT itu bermakna berakhirnya kerjaya politik Anwar, Sabbaruddin berkata, bekas Timbalan Perdana Menteri itu boleh memohon semula untuk menyertai Umno selepas tiga tahun.

"Dr Mahathir juga dipecat tetapi hari ini beliau menjadi Presiden parti dan Perdana Menteri," katanya.

Ditanya mengenai alasan Anwar dipecat, Sabbaruddin hanya berkata: "Beliau tidak sesuai sebagai ahli parti".

Sementara itu, sebelum merasmikan Hotel Sun Inns di Bandar Sunway, Petaling Jaya hari ini, Sabbaruddin berkata semua pemimpin Umno dari peringkat atas hinggalah ke peringkat bahagian dan cawangan bertanggungjawab kepada semua ahli untuk menenangkan keadaan.

"Tak mungkin semua faham tetapi yang pentingnya dalam mana-mana parti, seorang tidak dapat membentuk sebuah parti, tetapi semuanya," kata beliau.

Sabaruddin berkata, memang berlaku sedikit ketegangan di kalangan pimpinan parti, tetapi ia bukan satu masalah serius.

"Secara keseluruhannya, saya rasa tidak ada masalah kerana mana ada parti tidak sedikitpun berkocak, kalau laut tenang, bukan laut namanya... mesti ada sikit goyang," katanya.

(END)